BERITA

# Kian ramai ingin jalani pemindahan hati meski perlu tunggu lama

## Permintaan pemindahan naik lebih 16% sejak 2015; masa tunggu 13 bulan kerana kurang penderma

▶ **INSYIRAH MOHD SHUKOR**
insyirahms@sph.com.sg

Masa menunggu purata untuk seseorang menjalani bedah pindah hati di Singapura ialah sekitar 13 bulan pada 2024, dan angka tersebut dijangka meningkat seiring dengan lonjakan permintaan dalam beberapa tahun mendatang.

Malah, permintaan untuk pemindahan hati telah meningkat lebih 16 peratus sejak 2015, menurut laman web *Live On*, yang dikendalikan Unit Pemindahan Organ Nasional (NOTU).

Perunding Kanan Program Pemindahan Hati Dewasa di Pusat Pemindahan Organ Universiti Nasional (NUCOT) Hospital Universiti Nasional (NUH), Profesor Madya Alfred Kow, berkongsi butiran ini semasa sidang media selepas acara Projek Warisan Penanaman Pokok di bangunan NUH pada 26 Mei.

Acara itu diadakan bagi memperingati pengorbanan penderma organ serta meningkatkan kesedaran tentang kesan pendermaan organ.

Peningkatan permintaan ini berpunca daripada kewujudan jurang organ – iaitu perbezaan antara jumlah pesakit yang memerlukan pemindahan dengan jumlah organ yang tersedia daripada penderma – yang semakin melebar.

Akibatnya, lebih ramai pesakit terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapatkan organ yang sesuai, dan masyarakat diseru untuk tampil dalam usaha pendermaan organ.

"Kini semakin banyak keadaan perubatan perlukan pembedahan pemindahan hati, termasuk beberapa jenis penyakit barah yang hanya boleh disembuhkan melalui prosedur ini.

"Namun, apabila bilangan penderma tidak bertambah, jurang jumlah organ akan terus melebar," kata Profesor Kow.

Tambah beliau, fenomena ini juga disebabkan kenaikan jumlah pesakit dengan penyakit hati berlemak, atau 'fatty liver disease', yang menjadi antara penyebab utama bagi prosedur pemindahan hati dilakukan.

Peningkatan kes ini berkait rapat dengan gaya hidup moden yang tidak aktif, pemakanan tidak seimbang, serta kadar obesiti (kenaikan berat badan) dan diabetes yang tinggi, tambah Profesor Kow.

Dengan itu, beliau berharap lebih ramai akan tampil dan menyumbang dalam pendermaan hati bagi prosedur pemindahan demi menyelamatkan nyawa mereka yang memerlukan.

Menjawab pertanyaan *Berita Harian* (BH), Profesor Kow menjelaskan bahawa undang-undang Singapura telah membenarkan pesakit menerima organ daripada penderma hidup mahupun mati.

Ini selepas sokongan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) terhadap Akta Pemindahan Organ Manusia (Hota) pada 2008, yang memperluaskan pelaksanaannya kepada umat Islam.

Beliau turut menegaskan keutamaan keselamatan penderma dalam memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada baki hati penderma berada dalam keadaan sihat sebelum individu itu disahkan layak untuk menderma.

Oleh kerana hati merupakan organ yang mempunyai keupayaan untuk tumbuh semula (*regenerative organ*), peratusan ini dianggap selamat dan mencukupi untuk pemulihan sepenuhnya bagi penderma.

"Penderma mestilah individu yang sihat sepenuhnya.

"Kami amat menitikberatkan proses pemilihan penderma – bukan hanya memastikan tiada penyakit yang dikesani, tetapi juga melalui saringan menyeluruh bagi mengesahkan tahap kesihatan sebenar mereka.

"Pendekatan ini adalah penting bagi mengekalkan kadar keselamatan penderma yang tinggi," kata Profesor Kow.

# Lebih sihat selepas jalani pemindahan hati



Cik Raziah Begum Alamgir, pernah mencatat sejarah sebagai pesakit pertama yang berjaya melalui pemindahan hati kanak-kanak pada 1995. – Foto BH oleh KHALID BABA

Usia Cik Raziah Begum Alamgir baru 11 tahun apabila beliau mencatat sejarah sebagai penerima bedah pindah hati kanak-kanak yang pertama pada 1995.

Pada usia semuda itu, beliau mula mengalami kegatalan di seluruh badan dan kembung perut – sehinggakan beliau tidak dapat tidur bahkan terdesak menggaru berulang kali bahagian tubuh yang gatal sehingga keluar darah.

Cik Raziah, 41 tahun, usahawan pakaian dalam talian, menjelaskan kepada *Berita Harian* (BH), pada ketika itu, beliau dibawa ibunya ke Hospital Universiti Nasional (NUH), untuk mendapatkan rawatan sebelum akhirnya disahkan mengalami kegagalan hati setelah pelbagai ujian dijalankan.

"Sememangnya, ibu bapa saya terkejut dengan keadaan saya tetapi pada waktu itu, saya jangkakan rawatan yang dijalani ringan saja," ujarnya.

Mujur beliau tidak perlu tunggu lama untuk mendapatkan hati yang diperlukan kerana pada tahun yang sama (1995), beliau diberi tawaran untuk menjalani bedah pindah hati.

> "Saya amat bersyukur kerana kini dapat melihat anak-anak membesar di depan mata saya, sesuatu yang mungkin tidak akan berlaku jika tidak kerana pemindahan hati yang saya jalani sewaktu kecil."
>
> **– Cik Raziah Begum Alamgir yang sebelum ini mencatat sejarah sebagai penerima bedah pindah hati kanak-kanak yang pertama di Singapura pada 1995.**

Kini, hampir tiga dekad selepas menjalani pemindahan hati yang menyelamatkan nyawanya, Cik Raziah menikmati kehidupan yang sihat dan bermakna.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan tiga cahaya mata berusia antara enam dengan 15 tahun, yang menjadi sumber kekuatan dan kebanggaannya.

Selain menggalas peranan sebagai seorang ibu, beliau juga merupakan seorang usahawan yang menguruskan perniagaan sendiri, menjual pakaian dalam talian.

Kadangkala beliau turut meniaga di reruai bagi acara dagangan tertentu.

"Saya amat bersyukur kerana kini dapat melihat anak-anak membesar di depan mata saya, sesuatu yang mungkin tidak akan berlaku jika tidak kerana pemindahan hati yang saya jalani sewaktu kecil," katanya.

